



## UNTUK SIARAN SEGERA

### HEBAHAN MEDIA

#### SEMPENA HARI RUMPUT LAUT SEDUNIA – 1 MAC 2023

---

Hari Rumput Laut Sedunia disambut pada 1 Mac setiap tahun. Tarikh ini telah diisytihar oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 22 Mei 2022. Malaysia antara salah sebuah negara yang komited dalam pemuliharaan ekosistem marin, turut meraikan Hari Rumput Laut Sedunia sebagai tanda sokongan dan usaha jangka masa panjang melestarikan ekosistem marin negara.

Rumput laut merupakan komponen penting dalam ekosistem marin Malaysia kerana ia menyediakan perkhidmatan ekologi yang penting seperti penyerapan karbon, penstabilan sedimen, dan habitat untuk pelbagai spesies marin. **Malaysia mempunyai beberapa kawasan rumput laut yang penting, termasuk Selat Johor, persisiran pantai Terengganu dan Sabah.** Berdasarkan rekod, terdapat sebanyak **17 spesies rumput laut di perairan Malaysia iaitu *Enhalus acoroides*, *Cymodocea rotundata*, *Cymodocea serrulata*, *Halodule pinifolia*, *Halodule uninervis*, *Halophila beccariei*, *Halophila decipiens*, *Halophila major*, *Halophila minor*, *Halophila ovalis*, *Halophila ovata*, *Halophila spinulosa*, *Syringodium isoetifolium*, *Ruppia maritima*, *Thalassia hemprichii*, *Thalassodendron ciliatum* (16 spesies) manakala *Zostera japonica* hanya dijumpai di Beting Merambong, Sg. Pulai Johor.**

Ekosistem tumbuhan marin menampung keseluruhan rantai makanan dan **berfungsi sebagai makanan untuk zooplankton, invertebrata, dugong, dan beberapa spesies penyu dan ikan.** Rumput laut juga **menyumbang secara signifikan kepada pengoksigenan laut dan penyerapan karbon serta mengurangkan kesan pemanasan global** (Phang, 2000). Rumput laut berperanan menyerap 12% karbon lautan daripada pengeluaran ekosistem bersih di lautan (Duarte & Cebrian 1996).

Walau bagaimanapun, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, **rumput laut di Malaysia telah diancam oleh pelbagai faktor, termasuk pembangunan pantai, pencemaran, dan penangkapan ikan yang berlebihan.** Faktor-faktor ini boleh

membawa kepada kemusnahan habitat, penurunan kualiti air, dan perubahan dalam arus laut yang boleh memberi kesan kepada pertumbuhan dan pembiakan rumput laut.

Pemeliharaan rumput laut adalah kunci untuk mengekalkan kepelbagaiannya biologi laut dan kestabilan perikanan di masa hadapan. Untuk menangani ancaman ini, **Malaysia telah melaksanakan pelbagai langkah pemuliharaan, termasuk penubuhan kawasan perlindungan marin seperti pewartaan Taman Laut Gugusan Kepulauan Lima, Johor pada tahun 2022 yang melindungi sebahagian besar habitat rumput laut.**

Selain itu, Jabatan turut membangunkan **garis panduan untuk amalan penangkapan ikan yang mampan** bagi mengurangkan ancaman terhadap sumber dan ekosistem marin. Selain itu, penyelidikan sedang dijalankan untuk lebih memahami ekologi dan pemuliharaan rumput laut di Malaysia, dan untuk membangunkan strategi untuk pemulihan dan pengurusan ekosistem rumput laut.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia  
Wisma Tani, Putrajaya  
**1 Mac 2023 (Rabu)**

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-  
No. Tel: 017-794 7799 (Mohd Nizam – KUKK)  
012-664 9570 (Aqilah)  
Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my) ; [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)